

Tinggalkan Ketakutan di Belakang

BEIJING, 6 Ogos /PRNewswire-AsiaNet/ --

Sebuah Filem yang Diterbit Secara Rahsia Menggambarkan Perasaan Sebenar Penduduk Tibet

Penduduk Tibet Bersuara Mengenai Tibet, China dan Olimpik

Taklimat Media dan Tayangan
6 Ogos, 2008 12:00 petang
Beijing

Pada hari ini di bandaraya Olympiad XXIX, sebuah filem yang dirakam secara rahsia di Tibet dan tidak pernah dibuat sebelum ini, diseludup keluar hanya beberapa hari sebelum kebangkitan pada Mac, akan ditayangkan untuk media dunia. Leaving Fear Behind (Tinggalkan Ketakutan di Belakang) merupakan sebuah dokumentari 25 minit yang diambil oleh sebuah pasukan pembuat filem Tibet yang gigih yang merakam sentimen di kalangan penduduk Tibet mengenai pemerintahan China, kewajaran dan simbolisme Sukan Olimpik, dan kepulauan Dalai Lama.

Sebuah pasukan pembuat filem yang belajar sendiri dari timur Tibet, Dhondup Wangchen (seorang petani) dan rakannya Golog Jigme (seorang sami), secara rahsia merakam 35 jam temubual dengan penduduk Tibet mengenai tiga perkara: pemerintahan China di Tibet, Sukan Olimpik Beijing dan Dalai Lama.

Berbekalkan sebuah kamera video bernilai \$300 dan tanpa sebarang pengalaman, pembuat filem itu bergerak dengan motosikal, mengembara ke kawasan terpencil di timur Tibet dan menjelajah kawasan Tibet. Dari awal, matlamat mereka adalah untuk membawa suara penduduk Tibet ke Sukan Olimpik. "Amat sukar bagi penduduk Tibet untuk pergi ke Beijing dan bercakap di sana. Sebab itulah, kami membuat keputusan untuk menunjukkan perasaan sebenar penduduk Tibet di dalam Tibet melalui filem ini," kata pembuat filem itu, Dhondup Wangchen dalam filemnya.

Lebih 100 temubual dirakam dari Oktober, 2007 sehingga Mac, 2008. Sanubari dan perasaan penduduk Tibet dari pelbagai latar belakang: petani, ahli perniagaan, pelajar, nomad dan sami, muda dan tua. Ketulenan maklumbalas mereka menunjukkan kehidupan yang digambarkan akibat penindasan dan diskriminasi.

Petikan dari temubual-temubual:

"Sebenarnya kami akan berasa gembira mengenai Sukan itu tetapi banyak yang disalahtafsir. China dianugerahkan Sukan itu dengan syarat keadaan di China dan Tibet akan bertambah baik."

". . . orang luar akan berfikir bahawa penduduk Tibet dilayan dengan baik dan mereka gembira. Tetapi yang sebenarnya penduduk Tibet tidak bebas bersuara mengenai kesengsaraan mereka."

"Untuk setiap penduduk Tibet, terdapat sepuluh hingga lima belas orang China. Orang China berada di semua kawasan Tibet."

"Jikapun saya perlu mengorbankan diri saya untuk mesej ini dilihat oleh Dalai Lama, saya setuju dan mengalu-alukan peluang ini."

Kesemua 20 orang yang muncul dalam filem ini bersetuju agar muka mereka ditunjukkan dalam filem itu - pada risiko peribadi yang tinggi. Wangchen mendedahkan bahawa ada yang ditemubual "menyatakan kami mesti menunjukkan muka, jika tidak adalah tidak berguna bercakap kepada mereka," begitu kuat hasrat mereka untuk membalas kenyataan Beijing mengenai Tibet.

Semasa penggambaran, Dhondup Wangchen bekerja di bawah nama kod Jigme ("Tidak Takut" dalam Tibet). Nama kod beliau, dan keberanian semua yang dikaitkan dengan projek ini, memberi inspirasi nama filem ini, iaitu Jigdrel, yang bermaksud Tinggalkan Ketakutan di Belakang.

Sejurus selepas menghantar pita mereka pada 10 Mac, 2008, Dhondup Wangchendan Golog Jigme ditangkap. Mereka masih berada dalam tahanan sehingga hari ini. Dhondup Wangchen kali terakhir dilihat dalam tahanan di Guangsheng Binguan di Xining (Qinghai). Golog Jigme kali terakhir dilihat di sebuah pusat tahanan di bandar Lingxia (Gansu).

Pita mereka dihantar ke Switzerland, di mana suntingan terakhir dibuat oleh sepupu Wangchen, Gyaljong Tsetrin. Gyalijong Tsetrin, yang melarikan diri dari Tibet pada 2002, mengasaskan Filming For Tibet untuk menerbitkan filem ini.

Untuk maklumat lanjut dan melihat filem ini melalui talian, sila lawat www.leavingfearbehind.com. Untuk mengakses laman web dari dalam China, peralatan diperlukan untuk mengelak penapisan kerajaan. Pilihan yang dicadangkan ialah dengan melawat VPN (rangkaian persendirian virtual); Perisian Tor bagi mengatasi pemantauan laman web yang dilawati: atau Psiphon, proksi web sumber terbuka untuk mengatasi sistem penapisan kandungan.

SUMBER Filming For Tibet

NOTA KEPADA PENGARANG: pertanyaan Email: info@leavingfearbehind.com

Laman Web: <http://www.leavingfearbehind.com>